



SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/08/106 (HQ)

TNB RANGKUL ANUGERAH CIO CIRCLE OF EXCELLENCE 2021

Tenaga Nasional Berhad (TNB) mencatatkan pencapaian membanggakan apabila Ketua Pegawai Maklumat (Chief Information Officer) Datuk Fazil Ibrahim merangkul anugerah CIO Circle of Excellence Award Asia 2021 dalam kategori Perak di majlis yang diadakan secara maya pada 16 Julai 2021.

Anugerah itu yang dianjurkan oleh CNBC, CISCO dan Moneycontrol adalah platform untuk mengiktiraf dan meraikan CIO berwawasan dari negara-negara ASEAN, China, Korea, Jepun, India, Australia-New Zealand (ANZ) dan Pertubuhan Kerjasama Serantau Asia Selatan (SAARC) yang berjaya memacu syarikat mereka ke arah perniagaan berdaya tahan menerusi transformasi digital.

“Kejayaan ini bertepatan dengan usaha berterusan kami ke arah pendigitalan bagi menyediakan infrastruktur dan keupayaan teknologi yang kukuh,” kata Fazil dalam ucapan penerimaan anugerahnya.

“Kami mampu bertindak pantas dengan memberi sokongan untuk bekerja dari rumah kepada hampir 35,000 warga kerja TNB di seluruh negara sejak awal lagi sebelum pandemik bermula.”

Kejayaan TNB melaksanakan projek Webex Unified Communication dan Dual Sim Router adalah contoh terbaik terhadap keupayaan bertaraf dunia dan kecemerlangan teknologi yang dimiliki syarikat utiliti itu, selaras dengan aspirasinya untuk menjadi pembekal terunggul bagi solusi tenaga mampan di Malaysia dan antarabangsa.

Menerusi projek Webex Unified Communication, TNB berjaya mengurangkan kesan terhadap operasi dan produktiviti perniagaannya ketika pandemik melanda dengan memenuhi keperluan warga kerjanya untuk menganjurkan sesi mesyuarat, perjumpaan town hall, bengkel mahupun latihan.

Projek Dual Sim Router pula adalah satu kerjasama dengan divisyen Rangkaian Pembahagian dan juga ICT TNB yang memberi nilai tambah kepada TNB bagi mempercepatkan tempoh pemulihan bekalan kepada 9.4 juta pelanggannya menerusi penambahbaikan ketersediaan dan kependaman (latency) rangkaian.

“Hasilnya, projek Dual Sim Router telah berjaya membantu TNB mencapai prestasi Indeks Tempoh Masa Purata Gangguan Sistem atau SAIDI bertaraf dunia iaitu 44.95 minit pada Tahun Kewangan 2020,” tambah Fazil. Untuk rekod, SAIDI yang dicatatkan TNB pada 2019 ialah 48.13 minit.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 8 Ogos 2021, jam 10:00 pagi
*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /
Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524
atau emel kami: media@tnb.com.my*



Ketua Pegawai Maklumat (Chief Information Officer) TNB, Datuk Fazil Ibrahim